

Mesyuarat cawangan² UMNO sudah jadi ^{(a) e} besar²an - Mahathir

UM 20 APR 1984

ALUR SETAR 19 April. Presiden UMNO menje-
laskan langkah yang dic-
dahkan oleh Majlis Ter-
tinggi itu bertujuan untuk
mengurangkan berkempen
bagi mengelakkan dari ba-
nyak kempen dan tidak buat
kerja tetapi "orang-orang
ini cekap" dengan menum-
pukan perhatian kepada
mesyuarat-mesyuarat ca-
wangan kalau tidak dapat
merasmikan mesyuarat
bahagian.
Beliau sebaliknya meny-
takan orang-orang ini ad-
alah dibayar gaji untuk
menjalankan tugas-tugas
kerajaan tapi menggunakan

kedudukannya bagi kepent-
ingan diri dengan menjela-
jah ke kampung-kampung
merasmikan mesyuarat-
mesyuarat cawangan
UMNO.
"Bagi orang-orang
sekarang bukan lagi UMNO
yang penting, yang penting
bagi mereka nak jadi ahli
Majlis Tertinggi," ujar be-
liau.
Berucap merasmikan per-
sidangan perwakilan ke-22
UMNO bahagian
Pasu di Dewan Sekolah Me-
nengah Sultan Abdul Halim
dekat sini, Perdana Menteri
mengingatkan bahawa pe-
mimpin adalah alat kepada

kan demokrasi seperti pisau
untuk membunuh diri kita,"
katanya.
Katanya, "banyak juga
demokrasi yang hancur-
rana perkokkan di dalam
negeri dan diancam oleh
musuh-musuh dari luar ada
demokrasi yang berjaya, ada
demokrasi yang gagal."
Ini, menurut Perdana
Menteri, jelas membuktikan
bahawa demokrasi tidak
memberi jaminan apa-apa
selain dari satu sistem bagi
manusia kerana manusia
sentiasa meraba-raba untuk
mencari sesuatu yang sesuai
untuk hidup di dalam ma-
syarakat.
Beliau menyebut sebagai
contoh, "kalau kita tinggal
sendiri di puncak gunung,
kita tidak perlu demokrasi,
kita tidak perlu berunding,
bermesyuarat dengan sesia-
pa kerana kita hidup bera-
sangan dengan orang lain."
Datuk Sri Dr. Mahathir
menjelaskan bahawa
UMNO telah memilih de-
mokrasi yang mengutama-
kan suara ramai bagi me-
laksanakan bermacam-
macam program yang berk-
kesan bagi faedah sebilangan
besar penduduk negara ini."

Presiden UMNO itu
menjelaskan sebab itulah
UMNO pilih pemimpin un-
tuk membuat keputusan
baik di peringkat cawangan
- cawangan, bahagian dan
peringkat kebangsaan atau
Majlis Tertinggi parti.

Beliau menyatakan dalam
demokrasi suara ramai dike-
hendaki menentukan nasib
tapi tidak mengganggu pen-
tadbiran harian yang diwa-
kili kepada orang-orang
tertentu, di mana orang ra-
mai memilih pemimpin-pe-
mimpin cawangan, bahagian
dan Majlis Tertinggi
UMNO.

Datuk Sri Dr. Mahathir
bagaimanapun berkata, wa-
laupun ini memudahkan
pentadbiran cara demokrasi
tetapi tidak boleh jamin de-
mokrasi akan wujud.

Katanya, dalam pemili-
han wakil-wakil untuk baha-
gian setiap orang ahli
UMNO yang ada boleh di-
calonkan bahkan tiap-tiap
orang ahli UMNO yang tel-
ah meningkat lebih 1 juta
orang boleh dicalonkan un-
tuk menjadi presiden parti.
Tambahnya, "bila kita
mengamalkan demokrasi
ada benda yang boleh kita
buat dan ada benda yang
tidak boleh kita buat. Tak
ada sekatan dalam undang-
undang kita tidak boleh
buat tapi cara bijaksana kita
memilih beberapa orang
saja, yang lain jadi
penyokong."